



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 30 Januari 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Johor Bahru: Seorang pemilik stesen minyak dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru di sini, semalam atas dua pertuduhan menjual diesel bersubsidi kepada bas persiaran bernombor pendaftaran Singapura pada tahun lalu.

Orang kena saman (OKS) Soraya Md Tamyes, 38, mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Mengikut kertas pertuduhan pertama, Soraya diadikwa selaku pemegang lesen runcit didapati gagal mematuhi arahan pengawal melalui Larangan dan Kawalan Penjualan Petrol dan Diesel oleh Pemegang Lesen Runcit bagi Pengusaha Stesen Minyak yang menyatakan di Perenggan 2(c) bahawa dibenarkan

Tak mengaku jual diesel subsidi pada kenderaan luar



SORAYA (kanan) didakwa atas dua pertuduhan menjual diesel bersubsidi kepada bas persiaran bernombor pendaftaran Singapura.

menjual diesel tidak lebih daripada 20 liter dengan sekali transaksi sahaja dalam sehari kepada kende-

raan bernombor pendaftaran asing termasuk motosikal.

Namun OKS menjual di-

diesel sebanyak 250 liter kepada bas nombor pendaftaran asing.

Kesalahan itu dilakukan

pada 19 Mei tahun lalu pada jam 11.04 pagi di sebuah stesen minyak di Jalan Kempas Baru di sini.

Bagi pertuduhan kedua, Soraya didakwa atas kesalahan sama dengan jumlah penjualan diesel, di stesen minyak dan kenderaan yang sama pada jam 10.34 pagi 30 Mei tahun lalu.

Perbuatan itu melanggar Peraturan 12A Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang menjadi satu kesalahan mengikut Peraturan 21(1) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122).

Jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjara bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-dua-

» INFO

• Kesalahan dilakukan pada 19 Mei tahun lalu pada jam 11.04 pagi di sebuah stesen minyak di Jalan Kempas Baru

nya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Muhamad Sabiq Muhamad Subri, manakala OKS tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian menetapkan 28 Februari depan sebagai tarikh sebutan semula kes untuk lantikan peguam dan segerakan dokumen.



SORAYA hadir pertuduhan gagal mematuhi arahan larangan dan kawalan penjualan minyak diesel di Mahkamah Sesyen Johor Bahru semalam.

Pemilik stesen minyak didakwa jual diesel

JOHOR BAHRU — Seorang pemilik stesen minyak dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas dua pertuduhan menjual diesel dengan jumlah keseluruhan 500 liter bernilai RM1,175 kepada bas bernombor pendaftaran Singapura di sebuah stesen minyak di Kempas Baru, tahun lalu.

Orang kena saman (OKS), Soraya Md. Tamyes, 38, bagaimanapun tidak mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Mengikut kertas pertuduhan pertama, wanita itu didapati telah melanggar Larangan dan Kawalan Penjualan Petrol dan Diesel Oleh Pemegang Lesen Runcit Bagi Pengusaha Stesen Minyak iaitu menjual diesel tidak lebih daripada 20 liter dengan sekali transaksi sahaja dalam sehari.

OKS telah menjual diesel sebanyak 250 liter kepada bas dengan nombor pendaftaran asing di sebuah stesen minyak di Kempas Baru pada pukul 11.04 pagi, 19 Mei 2023.

Bagi kertas pertuduhan kedua, wanita itu turut melakukan kesalahan sama terhadap kenderaan yang sama dan di lokasi sama pada pukul 10.34 pagi pada 30 Mei 2023.

Bagi perbuatan itu, OKS telah melanggar Peraturan 12A Peraturan-Peraturan Kawalar Bekalan 1974 [PU (A)103/1974] yang merupakan suatu kesalahan di bawah Peraturan 21(1) Peraturan-Peraturan yang sama dan boleh dihukum dibawah Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Pemilik tunggal stesen minyak itu boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, jika disabitkan kesalahan.

Kes pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Muhamad Sabiq Muhamad Subri, manakala OKS tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan 28 Februari depan sebutan semula bagi serahan dokumen dan lantikan peguam.

Diesel smuggling syndicate busted

ALOR SETAR: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry had managed to bust a diesel smuggling syndicate after detaining a lorry in Sungai Petani on Sunday.

The ministry's state director Affendi Rajini Kanth said enforcement officers had observed the smugglers buying diesel repeatedly at several petrol stations around Sungai Petani during their operation.

He said they discovered the smugglers purchased RM200 worth of diesel at the first station, RM150 at the second and third station before they were stopped.

"Checks revealed two 1,000-litre capacity tanks connected to two pumps and fuel hoses. The pumps were installed to siphon out fuel from the original tank into the additional tanks and the total amount of fuel confiscated was 232 litres, worth RM500," he said, adding that the lorry, pumps, hoses and tanks, worth an estimated RM16,500, were also confiscated.

"The male driver, in his 40s, was arrested and remanded for investigation under the Control of Supplies Act 1961." – Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARikh 30 JANUARI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
30-Jan	PEMILIK STESEN MINYAK DIDAKWA JUAL DIESEL LEBIH HAD KEPADA BAS PENDAFTARAN ASING	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2266476#google_vignette	BERNAMA
30-Jan	Pemilik stesen minyak tak mengaku jual diesel bersubsidi lebih had kepada bas Singapura	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1206071/pemilik-stesen-minyak-tak-mengaku-jual-diesel-bersubsidi-lebih-had-kepada	BERITA HARIAN
30-Jan	Pemilik stesen minyak didakwa jual diesel lebih had kepada bas negara jiran	https://selangorkini.my/2024/01/pemilik-stesen-minyak-didakwa-jual-diesel-lebih-had-kepada-bas-negara-jiran/	SELANGOR KINI
30-Jan	Pemilik stesen minyak didakwa jual diesel kepada kendaraan asing	https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/pemilik-stesen-minyak-didakwa-jual-diesel-kepada-kenderaaan-asing/	UTUSAN MALAYSIA
30-Jan	Pemilik stesen minyak didakwa jual diesel bersubsidi kepada bas Singapura	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1055410/pemilik-stesen-minyak-didakwa-jual-diesel-bersubsidi-kepada-bas-singapura	HARIAN METRO
30-Jan	PEMANTAUAN BAGI PEMERIKSAAN KENDERAAN DI ICQS BUKIT BUNGA,TANAH MERAH KELANTAN	https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/01/29/pemantauan-bagi-pemeriksaan-kenderaan-di-icqs-bukit-bungatanah-merah-kelantan/	MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

30-Jan	Luahan Pembaca: Teruskan usaha banteras pihak sorok minyak peket	https://www.kosmo.com.my/2024/01/29/luahan-pembaca-teruskan-usaha-banteras-pihak-sorok-minyak-peket/	KOSMO
30-Jan	KPDN serbu pasar mini jual tomato RM14.25 sekilogram	https://www.sinarharian.com.my/article/646839/berita/semasa/kpdn-serbu-pasar-mini-jual-tomato-rm1425-sekilogram	SINAR HARIAN
30-Jan	Tular jual tomato RM15 sekilogram, peniaga dikompaun serta-merta	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1206269/tular-jual-tomato-rm15-sekilogram-peniaga-dikompaun-serta-merta	BERITA HARIAN
30-Jan	Pasar mini jual tomato RM15 sekilo dikompaun	https://malaysiagazette.com/2024/01/29/pasar-mini-jual-tomato-rm15-sekilo-dikompaun/#google_vignette	MALAYSIA GAZETTE
30-Jan	Peniaga jual tomato RM15 sekilogram kena kompaun	https://www.melakahariini.my/peniaga-jual-tomato-rm15-sekilogram-kena-kompaun/	MELAKA HARIINI
30-Jan	Pasar mini dikompaun jual tomato RM15 sekilogram	https://www.kosmo.com.my/2024/01/29/pasar-mini-dikompaun-jual-tomato-rm15-sekilogram/#google_vignette	KOSMO
30-Jan	KPDN Kedah tumpas sindiket seleweng diesel di Sungai Petani	https://www.tvsarawak.my/2024/01/29/kpdn-kedah-tumpas-sindiket-seleweng-diesel-di-sungai-petani/	TV SARAWAK